


KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 MAC 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 26

Paling lewat akhir Jun



PELANCARAN PELAN HALA TUJU PERALIHAN TENAGA NEGARA

PALING LEWAT AKHIR JUN

Kuala Lumpur

Kementerian Ekonomi akan melancarkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga negara seawat-lewatnya akhir Jun tahun ini bagi mempercepat projek peralihan tenaga boleh baharu, sekali gus menstrukturkan semula ekonomi.

Menteri Ekonomi Rafizi Ramli berkata, langkah mempercepat peralihan tenaga kepada tenaga boleh

baharu bukan sahaja menepati kehendak ekonomi global, malah menjamin kedudukan bekalan tenaga negara pada masa akan datang.

“Kita yakin akan menyuntik lebih banyak pelaburan ke Malaysia,” katanya ketika menjawab soalan **Datuk Seri Hasni Mohammad (BN-Simpang Renggam)** mengenai inisiatif awalan membina semula ekonomi sebagai antara empat teras strategik utama dalam kon-

sep Malaysia MADANI pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Selain itu, Rafizi berkata, tumpuan kerajaan juga terarah untuk mewujudkan ekosistem syarikat pemula yang lebih inklusif dan mampan dalam melonjakkan kadar inovasi kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, kewujudan ekosistem yang lebih baik daripada syarikat pemula dapat mengimbangkan antara insentif yang diberikan kerajaan dengan potensi supaya bakal penerima insentif mempunyai daya inovasi yang tinggi.

“Syarikat pemula yang mempunyai lonjakan

inovasi yang lebih, akan memberi gambaran berhubung tahap ekonomi negara yang kita yakin boleh menarik lebih banyak pelaburan pada masa akan datang.

“Kesemua strategi ini akan dirangkumkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 yang sedang dilaksanakan dan akan dibentangkan ketika persidangan Dewan Rakyat pada Oktober ini,” katanya.

“**Kita yakin akan menyuntik lebih banyak pelaburan ke Malaysia**”
Rafizi